

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesan empirikal kepada ekonomi Johor terutamanya di kawasan Iskandar setelah hari bekerja ditukar daripada Isnin-Jumaat kepada Ahad-Khamis.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor memang mempunyai bidang kuasa untuk membuat pertukaran hari bekerja daripada Isnin - Jumaat kepada Ahad – Khamis dan seterusnya cuti minggu daripada Sabtu dan Ahad kepada Jumaat dan Sabtu.

Setakat ini, tiada kajian empirikal dilaksanakan oleh IRDA bagi mengkaji kesan ke atas ekonomi terutamanya di Iskandar Malaysia apabila berlaku pertukaran hari bekerja daripada Isnin - Jumaat kepada Ahad - Khamis dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Secara amnya, walau pun terdapat sedikit perbezaan hari cuti mingguan di Iskandar Malaysia berbanding dengan peringkat Persekutuan dan antarabangsa, namun bilangan hari dan jam bekerja masih sama.

Sekian, terima kasih.